



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

STRATEGI TENAGA LESTARI NEGARA TANGANI IMPAK KRISIS TENAGA GLOBAL

PUTRAJAYA, 17 April 2026 - Kerajaan sentiasa prihatin akan keperluan rakyat untuk memenuhi keperluan tenaga masing-masing disebabkan oleh situasi semasa yang tidak menentu akibat daripada krisis tenaga global.

Untuk meningkatkan kemampuan penggunaan tenaga secara sendiri, pengguna sama ada di bawah kategori domestik mahupun bukan domestik adalah digalakkan untuk melanggan *Solar Accelerated Transition Action Programme* atau Solar ATAP yang telah dilancarkan oleh Kerajaan bermula pada 1 Januari 2026.

Tujuan program ini dilancarkan adalah untuk menggalakkan pengguna memasang solar di atas bumbung dan seterusnya mewujudkan nilai ekonomi kepada pengguna melalui pengurangan kos tenaga, bukannya aliran tunai langsung. Ini selari dengan pendekatan Malaysia yang menekankan kecekapan tenaga dan mengoptimumkan penggunaan sendiri.

Program ini dijangka boleh meningkatkan kemampuan sendiri tenaga dan seterusnya mengurangkan kesan ketidakpastian harga elektrik semasa. Permohonan untuk program ini boleh dibuat melalui laman web Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Bagi kumpulan bukan domestik, terdapat pilihan pelbagai bentuk perolehan yang disediakan oleh syarikat-syarikat pemasangan solar di atas bumbung yang boleh dilaksanakan bersama program Solar ATAP

seperti model *solar leasing* atau model *rent to own* yang tidak memerlukan pengguna mengeluarkan modal awal (*upfront capital*). Pengguna boleh mendapatkan senarai syarikat Pelabur Solar PV Berdaftar yang menawarkan perkhidmatan ini dan senarai syarikat Penyedia Perkhidmatan PV Berdaftar di laman web SEDA Malaysia berikut:

- Senarai Pelabur Solar PV Berdaftar:
<https://www.seda.gov.my/directory/registered-solar-pv-investor-rpvi-directory/>
- Senarai Penyedia Perkhidmatan PV Berdaftar
<https://www.seda.gov.my/directory/registered-pv-service-provider-directory/>

Bagi membolehkan program Solar ATAP ini menjadi lebih terjangkau kepada semua pihak, terutamanya bagi mengimbangi kesan negatif dari krisis tenaga global, PETRA sedang merangka penambahbaikan ke atas program Solar ATAP, khususnya untuk pengguna domestik.

Untuk pengguna di kategori Voltan Sederhana (*medium voltage – MV*), Voltan Tinggi (*high voltage – HV*) dan Voltan Tinggi Ultra (*Ultra High Voltage – UHV*) yang memerlukan harga elektrik yang stabil dan tidak terdedah kepada ketidakpastian harga bahan api, program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) boleh dipertimbangkan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan bekalan elektrik hijau dan program ini akan memberi kelebihan jangka masa panjang kepada pengguna-pengguna di kategori MV, HV dan UHV. Syarikat-syarikat yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini boleh menghubungi *Single Buyer* atau memuat turun Garis Panduan CRESS di laman web Suruhanjaya Tenaga di pautan berikut:

<https://www.st.gov.my/CRESS-guidelines>

Pengguna-pengguna juga adalah digalakkan untuk menggunakan tenaga secara cekap. Para pengguna yang terlibat dengan dengan inisiatif Bekerja Dari Rumah (BDR) adalah disarankan untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1. Menetapkan suhu penyaman udara pada 24°C bagi keseimbangan antara keselesaan dan penjimatan;
2. Melaksanakan penyelenggaraan berkala untuk memastikan peralatan beroperasi secara optimum;
3. Memilih peralatan elektrik dengan label cekap tenaga 4 atau 5 bintang;
4. Mengamalkan penutupan suis dan elakkan penggunaan mod standby; dan
5. Memanfaatkan skim *Time of Use* (ToU) untuk penggunaan tenaga yang lebih kos efektif

PETRA yakin bahawa semua inisiatif ini mampu membantu rakyat dalam mengurangkan beban kos tenaga dan seterusnya menjadi pemangkin strategik dalam memperkukuh landskap tenaga negara untuk jangka masa yang panjang, selaras dengan dasar semasa Kerajaan untuk memastikan elemen *Energy Trilemma* iaitu keselamatan bekalan, mampu bayar dan kemampanan sentiasa terjaga untuk semua.

Dalam usaha negara untuk beradaptasi terhadap perubahan iklim dunia, Inisiatif ini bukan sahaja memacu kemampanan sumber tenaga negara, malah menzahirkan komitmen Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab kepada generasi masa kini dan akan datang, selaras dengan teras dan nilai Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
17 April 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA



Visit **Malaysia 2026**
Truly Asia